



**DR. 10 TAHUN 2022
DEWAN RAKYAT PARLIMEN KEEMPAT BELAS**



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN
BERHUBUNG**

PROJEK SISTEM PENGUATKUASAAN AUTOMATIK (AES)



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

1. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] **- Pengerusi**
2. YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] **- Naib Pengerusi**
3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
4. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
5. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
6. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
7. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
8. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut]
9. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
10. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
11. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
12. YB. Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
13. YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]
14. YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin **- Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat**

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
6. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
7. Unit Perancang Ekonomi (EPU)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN**

| BIL | PERKARA | MUKA SURAT |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1 | LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PROJEK SISTEM PENGUATKUASAAN AUTOMATIK (AES) | 1 - 4 |
| 2 | TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PROJEK SISTEM PENGUATKUASAAN AUTOMATIK (AES) (DR. 16/2021) | 5 - 8 |
| 3. | LAPORAN PROSIDING | - |
| 4. | LAMPIRAN : LAPORAN JAWATANKUASA SIASATAN JKSTUPKK BERHUBUNG <i>AUTOMATED ENFORCEMENT SYSTEM (AES)</i> YANG TELAH DINYAHKLASIFIKASIKAN | - |

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PROJEK SISTEM
PENGUATKUASAAN AUTOMATIK (AES)**



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN

TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG

PROJEK SISTEM PENGUATKUASAAN AUTOMATIK (AES)

1 LATAR BELAKANG

- 1.1 Pada 23 November 2021, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) membentangkan Laporan PAC Parlimen (DR. 16/2021) bertajuk Projek Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) Di Bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) di Dewan Rakyat.
- 1.2 Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan empat (4) syor yang perlu diambil tindakan oleh MOT iaitu:

- i. Kerajaan harus mendedahkan kepada umum dengan menyahklasifikasikan (*declassified*) Laporan Siasatan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) Bil. 2/2018 berkenaan *Automated Enforcement System* (AES).
 - ii. SPRM hendaklah meneliti semula dan membuat siasatan terhadap isu-isu yang berbangkit dalam Laporan Siasatan JKSTUPKK dan juga Laporan PAC ini khasnya sama ada terdapat mana-mana individu yang terlibat dalam penerimaan *kick-back* dalam proses pengambilalihan AES oleh LTAT.
 - iii. Kerajaan hendaklah memastikan semua terma-terma dalam mana-mana perjanjian konsesi tidak merugikan Kerajaan.
 - iv. Kerajaan haruslah sentiasa memantau dan memastikan keberkesanan AES/AwAS dalam usaha menjaga keselamatan jalan raya dan pematuhan undang-undang yang berkuatkuasa.
- 1.3 Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304 (b), tindakan susulan perlu diambil MOT, JPM dan SPRM selepas Laporan PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.
- 1.4 Pada 3 Mac 2022, MOT telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim Terhadap Syor-syor Laporan PAC Berhubung Projek Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) kepada PAC melalui surat KP/BD/PJ/0.137/1 Jld. 45 ().
- 1.5 Sehubungan itu, melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 (1) (d) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Arahan Perbendaharaan 304 (b) dan Seksyen III (11) (b) Pekeliling Am 1982, PAC Parlimen telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan

Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Projek AES pada 23 Mac 2022.

1.6 Kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil Pegawai Pengawal terhadap syor-syor Laporan PAC Parlimen (DR. 16/2021) diringkaskan seperti jadual berikut:

| BIL. | TARIKH/ MASA | PERKARA |
|------|---------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | 23 November 2021/ 10:00 pagi | Pembentangan Laporan PAC Parlimen di Dewan Rakyat |
| 2. | 4 Januari 2022 | Surat PAC Parlimen rujukan PAR/PAC 3/25/13(13) berserta Laporan PAC Parlimen (DR. 16/2021) dan syor-syornya dikemukakan kepada MOT |
| 3. | 3 Mac 2022 | Laporan Tindakan Susulan Interim telah dikemukakan oleh MOT |
| 4. | 23 Mac 2022/ 10.00 pagi | Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen (DR. 16/2021) Saksi: Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) i. YBhg. Datuk Isham bin Ishak [Ketua Setiausaha] Jabatan Perdana Menteri (JPM) i. Encik Azman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian Audit Dalam] |
| 5. | 8 Julai 2022 | Surat Menyahklasifikasi Laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK). |

2 PENDAHULUAN

- 2.1 Projek Sistem Penguatkuasaan Automatik / *Automated Enforcement System* (AES) oleh MOT telah mendapat perhatian umum apabila projek ini mula dikuatkuasakan pada September 2012. Antara isu utama yang dibangkitkan oleh rakyat berkaitan projek AES adalah pemberian konsesi AES kepada syarikat swasta untuk penguatkuasaan undang-undang trafik.
- 2.2 Oleh itu, satu siasatan telah dibuat oleh Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 28 Januari 2019 bagi menyiasat keputusan Kerajaan untuk menyerahkan konsesi AES kepada dua (2) syarikat konsesi serta pengambilalihan dua (2) syarikat konsesi berkenaan berjumlah RM555 juta.

TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA
BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
DR. 16/2021

3 TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

3.1 Syor 1: Kerajaan harus mendedahkan kepada umum dengan menyahklasifikasikan (*declassified*) Laporan Siasatan JKSTUPKK Bil. 2/2018 berkenaan *Automated Enforcement System (AES)*.

Maklum Balas JPM (23 Mac 2022)

- 3.1.1 Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan Dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) telah ditubuh berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Mei 2018. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ambrin Buang, mantan Ketua Audit Negara telah tamat beroperasi pada bulan Mei 2021 dan Laporan Siasatan JKSTUPKK Bil. 2/2018 *Automated Enforcement System (AES)* telah diletakkan di bawah simpanan JPM.
- 3.1.2 Dengan mengambilkira syor daripada PAC, JPM telah menilai dan mengkaji untuk menyahklasifikasikan Laporan Siasatan ini. Bagaimanapun, setelah penilaian dan kajian dibuat mendapati **kandungannya adalah berkaitan maklumat-maklumat sensitif yang perlu diberi perlindungan kerahsiaannya** sepertimana yang ditetapkan di perenggan 88(d), Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).
- 3.1.3 Berdasarkan perenggan 88(d) Arahan Keselamatan menyatakan “sebelum pengelasan semula dibuat, rahsia rasmi hendaklah disemak bagi menentukan kandungan rahsia rasmi berkaitan tidak lagi mengandungi sebab-sebab kerahsiaan yang memerlukan ia dikelaskan mengikut peringkat keselamatan tertentu”.

Ulasan PAC

PAC tidak bersetuju dengan pendirian yang diambil oleh JPM seperti di atas dan meminta JPM untuk mengambil tindakan lanjut.

PAC menerima surat JPM.100-6/1/42 (11) bertarikh 8 Julai 2022 yang ditandatangani oleh TKSUK, JPM yang menyatakan bahawa JPM bersetuju untuk menyahklasifikasikan Laporan JKSTUPKK mengenai AES. Surat TKSUK, JPM tersebut dan Laporan JKSTUPKK yang telah dinyahklasifikasi turut dilampirkan bersekali dengan laporan tindakan susulan ini.

Bagaimanapun, PAC tidak berpuas hati dengan tindakan JPM yang tidak mendedahkan keseluruhan Laporan JKSTUPKK. PAC berpendapat tiada maklumat dalam laporan berkenaan yang boleh mengancam kepentingan Kerajaan seperti yang didakwa.

Tindakan berkenaan menghalang ketelusan Kerajaan dalam menjaga kepentingan rakyat dan negara.

3.2 Syor 2: SPRM hendaklah meneliti semula dan membuat siasatan terhadap isu-isu yang berbangkit dalam Laporan Siasatan JKSTUPKK dan juga Laporan PAC ini khasnya sama ada terdapat mana-mana individu yang terlibat dalam penerimaan *kick-back* dalam proses pengambilalihan AES oleh LTAT.

Maklum Balas SPRM

3.2.1 Siasatan SPRM tidak menemui apa-apa kesalahan rasuah dan siasatan telah diputuskan *No Further Action* (NFA). Namun begitu satu Kertas Pemeriksaan dan Perundingan telah dibuka bagi pemeriksaan sistem dan prosedur berhubung isu tersebut.

3.2.2 Pihak SPRM telah selesai menjalankan pemeriksaan terhadap sistem dan prosedur pengendalian projek *outsourcing* ini dan telah mengenalpasti kelemahannya. Satu Surat Nasihat mengandungi syor-syor penambahbaikan dikeluarkan kepada MOT bagi memastikan perkara sama tidak berulang di masa hadapan.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum maklumbalas seperti di atas dan SPRM disarankan untuk mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang berbangkit semasa prosiding tindakan susulan dan maklumbalas yang diadakan pada 23 Mac 2022.

3.3 Syor 3: Kerajaan hendaklah memastikan semua terma-terma dalam mana-mana perjanjian konsesi tidak merugikan Kerajaan.

Maklum Balas MOT

MOT mengambil maklum akan syor ini dan akan memastikan semua terma-terma dalam mana-mana perjanjian konsesi akan datang di bawah tindakan MOT akan disemak secara terperinci dari segenap aspek agar tidak merugikan Kerajaan.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum penjelasan MOT dan menyarankan supaya perkara ini sentiasa dipatuhi.

3.4 Syor 4: Kerajaan haruslah sentiasa memantau dan memastikan keberkesanan AES/AwAS dalam usaha menjaga keselamatan jalan raya dan pematuhan undang-undang yang berkuatkuasa.

Maklum Balas MOT

MOT akan memastikan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) memantau aspek pengoperasian dan penguatkuasaan sistem AES/AwAS bagi memastikan keberkesanannya dalam usaha meningkatkan keselamatan jalan raya dan pematuhan terhadap undang-undang jalan raya yang berkuat kuasa. Laporan mengenai perkara ini akan dikemukakan dan dipantau oleh MOT secara berkala.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum inisiatif yang diambil MOT untuk berkolaborasi dengan agensi-agensi lain bagi memastikan keselamatan pengguna di jalan raya adalah terjamin.

4 PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen (DR. 16/ 2021) selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304 (b) (Pindaan 2008).

LAMPIRAN

SULIT

No. Siri : 2018/017



JAWATANKUASA SIASATAN TADBIR URUS,
PEROLEHAN DAN KEWANGAN KERAJAAN (JKSTUPKK)
JABATAN PERDANA MENTERI

LAPORAN SIASATAN JKSTUPKK BIL. 2/2018
AUTOMATED ENFORCEMENT SYSTEM (AES)

TERBUKA

SULIT

RINGKASAN EKSEKUTIF

Projek "Automated Enforcement System (AES)" ialah satu inisiatif sistem penguatkuasaan dalam menangani isu kemalangan jalan raya melalui pendekatan *perception of being caught*. Projek ini dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan secara *outsourcing* bagi mengesan pesalah lalu lintas yang memandu melebihi had laju dan tidak mematuhi lampu isyarat.

Satu Perjanjian Konsesi antara Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengangkutan dengan syarikat ██████ Sdn Bhd dan ██████ Sdn Bhd telah dimeterai pada 9 Disember 2011 bagi tempoh 5 tahun 6 bulan. Kedua-dua syarikat tersebut perlu memasang keseluruhan 1,093 unit kamera sepanjang tempoh konsesi.


Pada 23 September 2012, penguatkuasaan AES telah dilaksanakan dengan 14 unit kamera di Putrajaya, Selangor dan Perak. Projek AES telah menerima maklum balas yang amat negatif daripada orang ramai dan menghadapi pelbagai isu perundangan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menangguhkan pelaksanaan AES.

Pelbagai isu telah dibangkitkan oleh rakyat dan syarikat konsesi untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kerajaan telah memutuskan agar Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengambil alih Projek AES dengan nilai RM555 juta. Jawatankuasa Siasatan berpendapat nilai tersebut adalah dianggap sebagai *over market value* dan tidak sepadan dengan *due diligence* oleh ██████. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Siasatan mengesyorkan agar siasatan susulan perlu dilaksanakan oleh SPRM. Ini adalah kerana untuk mengenalpasti individu-individu yang terlibat atau menerima *kick back* dari urusan berkenaan.

Jawatankuasa Siasatan berpendapat sekiranya Kerajaan bercadang membayar pampasan kepada LTAT, jumlah pampasan tidak seharusnya melebihi RM555 juta.

Sekretariat
Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
28 Januari 2019

TERBUKA



KANDUNGAN

| | |
|---------------------------------------|----|
| 1. TUJUAN SIASATAN | 3 |
| 2. LATAR BELAKANG | 3 |
| 3. OBJEKTIF SIASATAN..... | 18 |
| 4. SKOP DAN METODOLOGI SIASATAN | 19 |
| 5. RUMUSAN PENEMUAN SIASATAN..... | 19 |
| 6. SYOR | 32 |
| 7. PENUTUP | 35 |

TERBUKA

| Senarai Jadual | | m/s |
|-----------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 1. | Pemilikan Syarikat ██████ Sdn Bhd | 4 |
| 2. | Pemilikan Syarikat ██████ Sdn Bhd | 5 |
| 3. | Fi Perkhidmatan Kontrak (<i>Contract Service Fee</i>) | 6 |
| 4. | Struktur Pemegang Saham Semasa | 9 |
| 5(A). | Pemilikan Ekuiti & Lembaga Pengarah Syarikat ██████ Berhad (Sebelum Mengambil Alih Projek AES) | 10 |
| 5(B). | Pemilikan Ekuiti & Lembaga Pengarah Syarikat ██████ Berhad (Selepas Mengambil Alih Projek AES) | 11 |
| 6(A). | Pemilikan Ekuiti & Lembaga Pengarah Syarikat ██████ Sdn Bhd (Sebelum Mengambil Alih Projek AES) | 13 |
| 6(B). | Pemilikan Ekuiti & Lembaga Pengarah Syarikat ██████ Sdn Bhd (Selepas Mengambil Alih Projek AES) | 14 |
| 7. | Pemilikan Ekuiti & Lembaga Pengarah Syarikat ██████ Sdn Bhd (Selepas Mengambil Alih Projek AES) | 15 |
| 8. | Pemilikan Ekuiti & Lembaga Pengarah Syarikat ██████ Sdn Bhd (Selepas Mengambil Alih Projek AES) | 16 |
| 9. | Tuntutan Pampasan LTAT | 18 |
| 10. | Jumlah Terimaan Oleh ██████ DAN ██████ | 22 |
| 11. | Jumlah Hasil Kerajaan Kutipan Saman AES | 23 |
| 12. | Jumlah Kutipan Saman AES | 24 |
| 13. | Laporan <i>Due Diligence</i> ██████ | 28 |
| 14. | 5 Tahun Unjuran Pendapatan Projek AES (██████████) | 31 |

Senarai Lampiran

1. Kronologi Pelaksanaan AES
2. Taklimat Daripada MOF, MOT dan LTAT
3. Taklimat Daripada ██████ Sdn Bhd

TERBUKA

LAPORAN SIASATAN PROJEK AUTOMATED ENFORCEMENT SYSTEM (AES)

1. TUJUAN SIASATAN

Tujuan laporan ini adalah untuk melaporkan penemuan siasatan terhadap kewajaran pelaburan LTAT berjumlah RM555 juta terhadap pengambilalihan syarikat ██████ Sdn Bhd dan ██████ Sdn Bhd yang memiliki konsesi pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES).

2. LATAR BELAKANG

2.1. Projek "*Automated Enforcement System*" (AES) ialah satu inisiatif sistem penguatkuasaan dalam menangani isu kemalangan jalan raya melalui pendekatan *perception of being caught*. Projek ini dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) secara *outsourcing* bagi mengesan pesalah lalu lintas yang memandu melebihi had laju dan tidak mematuhi lampu isyarat. Memandangkan statistik kemalangan dan korban jalan raya di Malaysia semakin meningkat dari tahun ke tahun, justeru objektif pelaksanaan Projek AES ini adalah untuk mengurangkan kadar kemalangan, kecederaan dan kematian akibat kemalangan jalan raya. Projek AES juga diharap mampu mengubah sikap, tingkah laku dan budaya pemanduan melalui penguatkuasaan.

2.2. Projek AES berfungsi menguatkuasakan undang-undang secara automatik dan mampu beroperasi 24 jam, tiada campur tangan manusia dan tidak bermusim. Maklumat kesalahan ini kemudiannya dihantar secara terus ke Pusat Kawalan AES (*Control Center*). Maklumat diproses bagi mengenal pasti pemandu/ pemilik kenderaan berdasarkan kepada maklumat yang terdapat dalam pangkalan data Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Saman akan dikeluarkan secara automatik dan dihantar melalui pos berdaftar kepada Orang Kena Saman (OKS). Sistem ini juga

TERBUKA

secara automatik menghantar maklumat kes ke mahkamah melalui *AES Court System* yang akan dibangunkan oleh syarikat konsesi untuk tujuan perbicaraan jika OKS memilih untuk tidak membayar kompaun dan dimohon untuk dibicarakan.

- 2.3. Satu Perjanjian Konsesi antara Kerajaan Malaysia melalui MOT dengan Syarikat [REDACTED] Sdn Bhd ([REDACTED]) dan [REDACTED] Sdn Bhd ([REDACTED]) telah termeterai pada 9 Disember 2011 bagi tempoh 66 bulan (5 Tahun 6 bulan). Tempoh perjanjian merangkumi 6 bulan fasa *Pilot*, 12 bulan fasa *National Roll – Out* dan 48 bulan *Service*. Syarikat perlu memasang keseluruhan 1,093 unit kamera sepanjang tempoh konsesi, iaitu masing-masing 543 unit daripada [REDACTED] dan 550 unit daripada [REDACTED]. Tarikh mula kerja (*Commencement Date*) untuk [REDACTED] adalah pada 27 Februari 2012 dan untuk [REDACTED] pada 1 Mac 2012.
- 2.4. Butiran pemilikan syarikat [REDACTED] dan [REDACTED] sebelum diambil alih oleh LTAT melalui [REDACTED] adalah seperti di Jadual 1 dan 2:

Jadual 1
Pemilikan Syarikat [REDACTED] Sdn Bhd

| Bil. | Nama | Jawatan | Saham | |
|--------|------------|----------------|---------|-----|
| | | | Unit | % |
| 1. | [REDACTED] | Director | - | - |
| 2. | [REDACTED] | Director | - | - |
| 3. | [REDACTED] | Director | - | - |
| 4. | [REDACTED] | Director | - | - |
| 5. | [REDACTED] | Director | - | - |
| 6. | [REDACTED] | Pemegang Saham | 60,000 | 60 |
| 7. | [REDACTED] | Pemegang Saham | 40,000 | 40 |
| Jumlah | | | 100,000 | 100 |

Sumber: Maklumat tambahan LTAT - Memorandum [REDACTED] dan [REDACTED] - PP18/2014

TERBUKA

Jadual 2
Pemilikan Syarikat ██████████ Sdn Bhd

| Bil. | Nama | Jawatan | Saham | |
|---------------|------------|---------------------------|-------------------|------------|
| | | | Unit | % |
| 1. | ██████████ | Director / Pemegang Saham | 7,980,000 | 42 (28)* |
| 2. | | Director / Pemegang Saham | 5,700,000 | 30 |
| 3. | | Director / Pemegang Saham | 4,370,000 | 23 (9)* |
| 4. | | Pemegang Saham | 950,000 | 5 |
| Jumlah | | | 19,000,000 | 100 |

Sumber: Maklumat tambahan LTAT - Memorandum ██████████ dan ██████████ – PP18/2014

- 2.5 Pada 15 Mei 2009, formula Pembayaran Fi Perkhidmatan (*Contract Service Fee*) dimuktamadkan oleh Kerajaan setelah berbincang dengan kedua-dua syarikat.
- 2.6 Klausula 5.1.1 syarat-syarat perjanjian menyatakan, *In consideration of the Contractor fulfilling all its obligations under this Agreement and subject to the terms and conditions of this Agreement, the Contractor is entitled to the Contract Service Fee based on the computation in accordance with the formula ("Formula") set out in Klausula 5.1.2 provided always that there are monies collected by Government from the payments of Valid Summons Issued at all times.*
- 2.7 Seterusnya, berdasarkan Klausula 5.1.2, kepada perjanjian konsesi, formula pembayaran fi adalah seperti di Jadual 3:

TERBUKA

Jadual 3
Fi Perkhidmatan Kontrak (Contract Service Fee)

| <i>Tier</i> | <i>Parties</i> | <i>Formula</i> |
|-------------|----------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Tier 1 | Contractor | <i>Ringgit Sixteen (RM16.00) multiplied by the number of Valid Summons Issued (VSI). The Contractor shall only be entitled to claim the amount stated in this Tier 1 subjects to a maximum of 5,000,000 VSI.</i> |
| Tier 2 | Contractor | <i>50% of the remainder of the monies collected from the payments of Valid Summons Issued after deducting the amount specified in Tier 1. The maximum amount payable to the Contractor pursuant to Tier 2 shall be RM270.0mil per annum.</i> |
| | Government | <i>The Government shall be entitled to the same amount as paid to the Contract or pursuant to this Tier 2.</i> |
| Tier 3 | Contractor | <i>7.5% of the remainder of the monies collected from the payments of Valid Summons Issued after deducting the amount specified in Tier 2.</i> |
| | Government | <i>The Government shall retain the balance of the monies collected from the payments of Valid Summons Issued after deducting the amount paid to the Contractor in this Tier 3.</i> |

Sumber: Perjanjian Konsesi antara Kerajaan dan Syarikat bertarikh 9 Disember 2012

- 2.8 Pada 3 September 2012, ██████ Sdn Bhd iaitu sebuah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah dilantik oleh Kementerian Kewangan (MOF) sebagai ejen MOF (*Paying Agent*) untuk menguruskan bayaran Fi Perkhidmatan Kontrak kepada ██████ dan ██████
- 2.9 Penguatkuasaan AES telah mula dilaksanakan mulai 23 September 2012 dengan 14 unit kamera (*Pilot Stage*) iaitu 10 unit kamera tetap dan 4 unit kamera mudah alih di Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor dan Perak. Sejak bermula pelaksanaannya, Projek AES telah menerima maklum balas yang amat negatif daripada orang ramai serta menghadapi pelbagai isu perundangan.
- 2.10 Lanjutan daripada itu, pada 17 Disember 2012, Jabatan Peguam Negara (AGC) telah mengeluarkan arahan supaya semua saman AES yang telah

TERBUKA

dikeluarkan oleh JPJ ditangguhkan pertuduhan dan pendakwaan buat sementara waktu memandangkan terdapat isu perundangan yang masih belum selesai. Keputusan ini bagi membolehkan Kerajaan memperhalusi aspek-aspek tertentu bagi menambah baik pelaksanaan AES ini.

- 2.11 Seterusnya, Mesyuarat Majlis Ekonomi (EC) yang bersidang pada 4 Februari 2013 bersetuju supaya jadual *Roll-Out* kamera AES ditangguhkan ke satu masa yang sesuai. Keputusan ini dibuat selepas mengambilkira reaksi yang diterima daripada pelbagai pihak selain isu-isu teknikal dan perundangan yang berbangkit termasuk kebenaran merancang, perbezaan kadar kompaun serta kapasiti mahkamah. Susulan penangguhan ini, kedua-dua Syarikat telah mengemukakan notis tuntutan kepada pihak Kerajaan untuk proses timbangtara (*Arbitration*) dan menuntut pampasan sebanyak RM1.6 billion kerana kegagalan Kerajaan untuk melunaskan obligasinya di dalam perjanjian berkenaan.
- 2.12 Dalam pada itu, pada 3 Oktober 2013, [REDACTED] telah melantik [REDACTED] sebagai firma perundangan dan [REDACTED] sebagai firma audit untuk melaksanakan proses *due diligence* bagi tujuan pengambilalihan pemilikan dan operasi AES. Pelantikan kedua-dua syarikat telah diluluskan oleh YB Menteri Kewangan II pada September 2013.
- 2.13 Sementara itu, pada 13 Oktober 2013, [REDACTED], Menteri Kewangan II meluluskan penyaluran bantuan kewangan kepada [REDACTED] dan [REDACTED] sebanyak RM 81.1 juta (RM47.5 juta bagi [REDACTED] dan RM33.6 juta bagi [REDACTED]) sebagai *Lifeline Fund* bagi menyokong operasi kedua-dua syarikat berkenaan dalam tempoh interim operasi AES sehingga selesai proses pengambilalihan.
- 2.14 Selanjutnya, pada 3 September 2014, satu perbincangan mengenai penyelesaian pengambilalihan AES telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dihadiri [REDACTED], Menteri di Jabatan Perdana Menteri; [REDACTED], Menteri Kewangan II; dan [REDACTED], Menteri

TERBUKA

Pengangkutan. Perbincangan ini tidak mempunyai minit mesyuarat dan memutuskan supaya LTAT mengkaji cadangan pengambilalihan AES.

2.15 Pada 5 Januari 2015, YB Menteri Pengangkutan telah menulis surat kepada YAB Perdana Menteri berkenaan status semasa ke atas cadangan pengambilalihan pelaksanaan AES oleh Kerajaan melalui LTAT berjumlah RM528 juta.


2.16 Sehubungan itu, pada 8 dan 13 Januari 2015, LTAT melalui surat kepada [REDACTED] dan [REDACTED] menyatakan minat untuk mengambil alih kedua-dua syarikat konsesi dengan harga RM555 juta (RM295 juta bagi [REDACTED] dan RM260 juta bagi [REDACTED]). Cadangan ini telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 14 Januari 2015 dan juga dipersetujui oleh [REDACTED] dan [REDACTED].

2.17 Pada 23 Februari 2015, Panel Pelaburan LTAT menawarkan [REDACTED] [REDACTED] untuk sama-sama melabur dalam projek AES. LTAT juga mencadangkan pengambilalihan kedua-dua syarikat konsesi tersebut melalui [REDACTED] Sdn Bhd. LTAT dan [REDACTED], masing-masing memiliki 50% pegangan saham di dalam [REDACTED].

2.18 Seterusnya, pada tarikh yang sama, LTAT dan [REDACTED] Berhad telah membayar sebanyak RM555 juta untuk pengambilalihan syarikat [REDACTED] dan [REDACTED] termasuk dengan 14 unit kamera dan aset serta liabiliti syarikat. Amaun pelaburan LTAT adalah sebanyak RM327,500,000 di mana RM227,500,000 bagi melanggan sebanyak 78,448,276 saham dan RM100,000,000 bagi saham keutamaan (*Cummulative Redeemable Preference Share – CRPS*) bersama 10% dividen setahun daripada syarikat [REDACTED] Sdn Bhd, manakala [REDACTED] Berhad melabur sebanyak RM227,500,000 bagi melanggan sebanyak 78,448,276 saham. (Carta pegangan saham seperti di **Jadual 4** dan maklumat syarikat terperinci seperti di **Jadual 5, 6, 7 dan 8**)

TERBUKA

Jadual 4
Struktur Pemegang Saham Semasa



2.19 Butiran pemilikan syarikat [REDACTED], [REDACTED] dan [REDACTED] sebelum dan selepas mengambil alih oleh LTAT dan [REDACTED] adalah seperti di jadual berikut:

TERBUKA

Jadual 5 (A)
Pemilikan Ekuiti Dan Lembaga Pengarah
Syarikat ██████████ Berhad
(Sebelum LTAT dan ██████████ Mengambil Alih Projek AES)

| Bil. | Nama | Kad Pengenalan / No. Syarikat | Jawatan / Tarikh Pelantikan | Saham | |
|------|------------|-------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|-------|---|
| | | | | Unit | % |
| 1. | ██████████ | ██████████ | <i>Divisional Director, Property</i> 01-03-2007 | - | - |
| 2. | ██████████ | ██████████ | <i>Deputy Chairman / Group Managing Director / Manager</i> 10-07-1984 01-07-1991 | - | - |
| 3. | ██████████ | ██████████ | <i>Company Director</i> 03-12-1990 | - | - |
| 4. | ██████████ | ██████████ | <i>Company Director</i> 10-12-1990 | - | - |
| 5. | ██████████ | ██████████ | <i>Advocater & Solicitor</i> 11-10-2012 | - | - |
| 6. | ██████████ | ██████████ | <i>Advocater & Solicitor</i> 16-01-1991 | - | - |

Sumber: Maklumat daripada LTAT bertarikh 06 April 2015

TERBUKA

Jadual 5 (B)
Pemilikan Ekuiti Dan Lembaga Pengarah
Syarikat ██████████ Berhad
(Selepas LTAT dan ██████████ Mengambil Alih Projek AES)

| Bil. | Nama | Kad Pengenalan/ No. Syarikat | Jawatan / Tarikh Pelantikan | Saham | |
|------|------------|---------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|---|
| | | | | Unit | % |
| 1. | ██████████ | ██████████ | <i>Divisional Director, Property</i> 01-03-2007 | - | - |
| 2. | ██████████ | ██████████ | <i>Deputy Chairman / Group Managing Director /</i> 10-07-1984 <i>Manager</i> 01-07-1991 | - | - |
| 3. | ██████████ | ██████████ | <i>Company Director</i> 03-12-1990 | - | - |
| 4. | ██████████ | ██████████ | <i>Company Director</i> 10-12-1990 | - | - |
| 5. | ██████████ | ██████████ | <i>Director</i> 11-10-2012 | - | - |
| 6. | ██████████ | ██████████ | <i>Director</i> 16-01-1991 | - | - |
| 7. | ██████████ | ██████████ | <i>Director</i> 01-12-2017 | - | - |
| 8. | ██████████ | ██████████ | <i>Secretary</i> 07-03-2014 | - | - |

Sumber: SSM e Info bertarikh 08 November 201

TERBUKA

Pemegang Saham ██████████ Berhad

| IC / Passport / Company No | Name / Company Name | Total of Share |
|----------------------------|---------------------|----------------|
| | | 167,261,131 |
| | | 12,239,731 |
| | | 20,746,740 |
| | | 4,847,981 |
| | | 6,507,709 |
| | | 6,998,572 |
| | | 6,216,002 |
| | | 19,807,936 |
| | | 17,888,201 |
| | | 1,201,476,218 |
| | | 228,091,993 |
| | | 204,123,392 |
| | | 8,334,112 |
| | | 5,455,586 |
| | | 43,798,222 |
| | | 26,895,072 |
| | | 12,872,000 |
| | | 12,408,322 |
| | | 5,512,445 |
| | | 7,308,887 |
| | | 8,197,745 |

Sumber: SSM e info bertarikh 08 November 2018

TERBUKA

Jadual 6 (A)
Pemilikan Ekuiti Dan Lembaga Pengarah
Syarikat ██████████ Sdn Bhd
(Sebelum LTAT dan ██████████ Mengambil Alih Projek AES)

| Bil. | Nama | Kad Pengenalan / No. Syarikat | Jawatan / Tarikh Pelantikan | Saham | |
|------|------------|-------------------------------|--------------------------------------|-------|---|
| | | | | Unit | % |
| 1. | ██████████ | ██████████ | <i>Divisional Director, Property</i> | - | - |
| 2. | ██████████ | ██████████ | <i>Company Director</i> | - | - |
| 3. | ██████████ | ██████████ | <i>Company Director</i> | - | - |
| 4. | ██████████ | ██████████ | <i>Deputy Chief Executive</i> | - | - |

Sumber: Maklumat daripada LTAT bertarikh 16 Jun 2014.

TERBUKA

Jadual 6 (B)
Pemilikan Ekuiti Dan Lembaga Pengarah
Syarikat ██████████ Sdn Bhd
(Selepas LTAT dan ██████████ Mengambil Alih Projek AES)

| Bil. | Nama | Kad Pengenalan / No. Syarikat | Jawatan / Tarikh Pelantikan | Saham | |
|---------------|---------------------------------|-------------------------------|-----------------------------|--------------------|------------|
| | | | | Unit | % |
| 1. | ██████████ | ██████████ | Director 01-07-1997 | - | - |
| 2. | ██████████ | ██████████ | Director 01-04-2017 | - | - |
| 3. | ██████████ | ██████████ | Director 01-04-2017 | - | - |
| 4. | ██████████ | ██████████ | Secretary 15-01-2015 | - | - |
| 5. | ██████████ | ██████████ | Secretary 11-09-2017 | - | - |
| 6. | ██████████ | ██████████ | Secretary 11-09-2017 | - | - |
| 7. | Lembaga Tabung Angkatan Tentera | - | Pemegang Saham | 119,113,892 | 50.37 |
| 8. | ██████████ | ██████████ | Pemegang Saham | 117,370,892 | 49.63 |
| Jumlah | | | | 236,484,784 | 100 |

Sumber: SSM e info bertarikh 27 September 2018

TERBUKA

Jadual 7
Pemilikan Ekuiti Dan Lembaga Pengarah
Syarikat ██████████ Sdn Bhd
(Selepas LTAT dan ██████████ Mengambil Alih Projek AES)

| Bil. | Nama | Kad Pengenalan / No. Syarikat | Jawatan / Tarikh Pelantikan | Saham | |
|---------------|------------|-------------------------------|-----------------------------|----------------|-------------|
| | | | | Unit | % |
| 1. | ██████████ | ██████████ | Director 14-04-2015 | - | - |
| 2. | ██████████ | ██████████ | Director 16-06-2015 | - | - |
| 3. | ██████████ | ██████████ | Secretary 30-10-2015 | - | - |
| 4. | ██████████ | ██████████ | Secretary 11-09-2017 | - | - |
| 5. | ██████████ | ██████████ | Secretary 11-09-2017 | - | - |
| 6. | ██████████ | ██████████ | Pemegang Saham | 310,000 | 100% |
| Jumlah | | | | 310,000 | 100% |

Sumber: SSM e info bertarikh 27 September 2018

TERBUKA

Jadual 8
Pemilikan Ekuiti Dan Lembaga Pengarah
Syarikat ██████████ Sdn Bhd
(Selepas LTAT dan ██████████ Mengambil Alih Projek AES)

| Bil. | Nama | Kad Pengenalan / No. Syarikat | Jawatan / Tarikh Pelantikan | Saham | |
|---------------|------------|-------------------------------|-----------------------------|-------------------|-------------|
| | | | | Unit | % |
| 1. | ██████████ | ██████████ | Director 28-04-2015 | - | - |
| 2. | ██████████ | ██████████ | Director 16-06-2015 | - | - |
| 3. | ██████████ | ██████████ | Secretary 16-06-2015 | - | - |
| 4. | ██████████ | ██████████ | Secretary 11-09-2017 | - | - |
| 5. | ██████████ | ██████████ | Secretary 11-09-2017 | - | - |
| 6. | ██████████ | ██████████ | Pemegang Saham | 19,000,000 | 100% |
| Jumlah | | | | 19,000,000 | 100% |

Sumber: SSM e info bertarikh 27 September 2018

TERBUKA

2.20 Pada 15 Nov 2016, MJM telah bersetuju menurunkan kadar saman dari RM300 ke RM150 setelah mendapat reaksi negatif daripada rakyat.

Perkembangan Terkini

2.21 Pada 17 Ogos 2018, ██████████, Menteri Pengangkutan berkata bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan Projek AES akan diambil alih sepenuhnya oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bermula pada 1 September 2018 kerana tempoh konsesi antara kerajaan dan kedua-dua syarikat akan tamat (*natural death*) pada 31 Ogos 2018. Buat masa sekarang hanya 47 kamera dipasang (Bolehguna-38, Kalibrasi-7, Proses Pemasangan-2). Ini juga selaras dengan keputusan Kabinet untuk tidak menyambung perjanjian dua syarikat konsesi yang mengendalikan sistem berkenaan sebelum ini, ██████████ dan ██████████.

2.22 Dalam pengumuman yang sama, Kerajaan turut membuat keputusan untuk melaksanakan pembayaran balik kepada LTAT secara berperingkat dengan anggaran jumlah RM555 juta.

2.23 Pada 23 Ogos 2018, ██████████, Bekas Pengerusi LTAT menyatakan keputusan kerajaan hanya membayar LTAT kos pengambilalihan dua syarikat bagi projek AES, disifatkan tidak adil dan bercanggah dengan perjanjian konsesi yang ditandatangani sebelum ini. Beliau juga mendakwa pada bulan November 2017, Kerajaan dahulu melalui Kementerian Kewangan (MOF) telah mengambil keputusan untuk mengambilalih projek AES (AwAS) daripada LTAT dan membayar balik semua kos pelaburan LTAT dalam Projek AES termasuk pulangan 12% setahun. Merujuk kepada Maklumat Tambahan melalui rujukan surat LTAT/PEL/3/722 Jld 40(2) bertarikh 27 Julai 2018 pecahan kos pengambilalihan projek AwAS oleh Kerajaan, tuntutan pampasan adalah berjumlah RM894.29 juta. *Tuntutan pampasan terperinci seperti di Jadual 9.*

TERBUKA

Jadual 9
Tuntutan Pampasan LTAT


| BIL. | ITEM | RM ('mil) |
|---------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| 1 | Cost of acquiring [REDACTED] and [REDACTED] plus return of 12% for: i. 31 months (from May 2015 to November 2017) ii. 36 months (from May 2015 to April 2018) | 744.90 |
| 2 | To pay back [REDACTED] for its advances to cover the operation costs to enable the implementation of the AwAS programme to proceed and to pay debts owed to banks, camera suppliers, telecommunications providers and others. | 102.10 |
| 3 | Cost to upgrade the back office, cost to purchase cameras and cost to install cameras | 22.90 |
| 4 | Cost to compensation resulting from the termination of office building rental agreement and command and cost centre agreement | 9.80 |
| 5 | Advocacy cost | 3.00 |
| 6 | Cost of printing and mailing of 2,750,406 summon notices | 11.59 |
| Jumlah | | 894.29 |

Sumber: Maklumat tambahan LTAT - surat LTAT/PEL/3/722 Jld 40(2) bertarikh 27 Julai 2018

2.24 Pada 19 September 2018, LTAT telah memaklumkan bahawa syarikat konsesi hanya telah siap memasang 31 unit kamera menjadi jumlah 45 unit kamera di seluruh negara dan 2 unit kamera masih dalam proses pemasangan.

3. OBJEKTIF SIASATAN

Objektif siasatan adalah untuk mengenal pasti proses pelaksanaan Projek AES, proses pengambilalihan oleh LTAT dan [REDACTED] dan mengemukakan syor kepada pihak Kerajaan.



4. SKOP DAN METODOLOGI SIASATAN

- 4.1 Skop siasatan meliputi pelaksanaan dan pengambilalihan Projek AES bagi tempoh 2006 hingga September 2018. Metodologi siasatan ini adalah berdasarkan kepada kaedah berikut:
- a. Pembentangan kronologi dan isu projek AES oleh agensi terlibat iaitu Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Pertahanan (KEMENTAH), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan ██████████ Sdn Bhd (██████████);
 - b. Menyemak dan menganalisis rekod/dokumen perjanjian konsesi, kertas-kertas mesyuarat panel pelaburan dan lembaga pengarah LTAT serta fail-fail yang berkaitan. Antara perkara utama yang telah dimaklumkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan & Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) pada 24 Julai 2018 seperti di **Lampiran 1** (Kronologi Pelaksanaan AES), **Lampiran 2** (Taklimat daripada MOF, MOT dan LTAT) dan pada 18 September 2018 seperti di **Lampiran 3** (Taklimat daripada ██████████)
- 4.2 Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab untuk tujuan pengesahan.

5. RUMUSAN PENEMUAN SIASATAN

Berdasarkan kepada metodologi siasatan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2018, didapati:

5.1 Kewajaran Pelaksanaan Projek AES Secara *Outsourcing*

- 5.1.1 Pada 8 Mei 2008, mesyuarat Projek AES yang dipengerusi oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah mencadangkan Kerajaan sendiri melaksana dan mengoperasikan AES, bukan syarikat swasta. Walau bagaimanapun, pada 30 Mei 2008, Mesyuarat Pelaksanaan AES dipengerusikan oleh YB Menteri Pengangkutan berpendapat

TERBUKA

AES ini tidak wajar dikendalikan oleh Kerajaan, sebaliknya pelaksanaannya hendaklah dibuat mengikut perancangan asal iaitu secara *outsourcing*.

5.1.2 Pandangan YB Menteri pengangkutan adalah berasaskan kepada maklumat-maklumat seperti berikut:

- a. Kaedah sama seperti yang dilaksanakan di Eropah, Australia, Asia Barat dan Amerika Syarikat.
- b. Anggaran kos pelaksanaan AES yang tinggi iaitu RM650 juta dan ini akan membebankan Kerajaan.
- c. Keperluan pengoperasian yang melibatkan kira-kira 400 orang kakitangan yang terlatih/ mahir
- d. Kos operasi dan penyelenggaraan tahunan yang tinggi iaitu di antara 15% hingga 20% dari kos pelaksanaan.

5.1.3 Akhirnya, pada 5 Disember 2008, Jemaah Menteri bertanya dengan pandangan Kementerian Pengangkutan supaya pelaksanaan AES dilaksanakan di bawah kaedah *outsourcing* kepada dua syarikat iaitu ██████ dan ██████ secara rundingan terus.

5.1.4 Projek AES mengambil masa 7 tahun untuk diimplementasikan tetapi ianya ditangguh selepas bermula 3 bulan. Malahan, Jawatankuasa Siasatan mendapati bahawa penubuhan beberapa buah Jawatankuasa bagi menguruskan pelaksanaan Projek AES didapati tidak berkesan dan mengambil masa yang lama untuk mengkaji dan meluluskan setiap tahap kemajuan. Jawatankuasa yang dimaksudkan adalah berdasarkan Klausula 31 Perjanjian Konsesi telah menetapkan penubuhan 3 Jawatankuasa (*Project Steering Committee, Project Implementation & Technical Committee* dan *Advocacy Committee*) tujuan untuk mengurus, mengawal, melaksanakan dan melaporkan pelaksanaan Projek AES.

TERBUKA

5.1.5 Walau bagaimanapun, semenjak Projek AES dilaksanakan pada 23 September 2012, ianya mendapat maklum balas dan persepsi yang amat negatif daripada rakyat. Di samping itu, projek tersebut berhadapan dengan isu-isu teknikal dan perundangan yang berbangkit termasuk kebenaran merancang daripada Pihak Berkuasa Negeri, perbezaan kadar kompaun serta kapasiti mahkamah sehingga kerajaan terpaksa menangguhkan National Roll-Out Projek AES.

5.2 Pulangan Diterima Syarikat Konsesi █████ dan █████ Berbanding Pelaburan

Kaedah pengiraan Fi Perkhidmatan

5.2.1 Berdasarkan kepada Jadual 3 bayaran kepada syarikat konsesi adalah seperti berikut:

- a. Untuk *Tier 1*: bayaran sebanyak RM16 setiap saman sah yang dikeluarkan oleh JPJ dan syarikat boleh menuntut jumlah bayaran terhad kepada 10 juta saman yang dikeluarkan setahun (untuk kedua-dua syarikat)
- b. Untuk *Tier 2*, bayaran sebanyak 50 peratus daripada jumlah saman berbayar ke atas jumlah saman sah yang dikeluarkan selepas ditolak jumlah yang telah dibayar dalam *Tier 1*, terhad kepada RM540 juta setahun (untuk kedua-dua syarikat)

Jumlah Pelaburan █████ dan █████

5.2.2 Jemaah Menteri telah dimaklumkan pada 11 September 2014 melalui *due diligence* oleh █████ bahawa pada awalnya █████ telah melaburkan modal saham sebanyak RM100,000 dan *preference share* sebanyak RM21 juta, manakala █████ telah melaburkan modal saham sebanyak RM19 juta. Oleh itu, kedua-dua syarikat secara keseluruhan telah melabur sebanyak RM40 juta. Modal tersebut

TERBUKA

telah digunakan oleh syarikat untuk melaksanakan konsesi AES termasuk pembangunan sistem dan pemasangan kamera.

Terimaan Oleh Syarikat

5.2.3 Berdasarkan taklimat daripada MOT dan [REDACTED], pihak syarikat [REDACTED] dan [REDACTED] mendapat pulangan seperti di **Jadual 10**:

Jadual 10
Jumlah Terimaan Oleh [REDACTED] Dan [REDACTED]

| Perkara | RM (Juta) |
|--------------------------------------|--------------|
| Bantuan Kewangan (<i>Lifeline</i>) | 81.1 |
| Bayaran Tier 1 (2012 – Mei 2018) | 60.2 |
| Bayaran Tier 2 (2012 – Mei 2018) | 68.8 |
| Jumlah | 210.1 |

5.2.4 Berdasarkan maklumat daripada [REDACTED], bayaran *Tier 1* dibayar kepada syarikat konsesi mengikut tuntutan yang dimajukan tanpa diambil kira Kluasa 5.1.1 di dalam perjanjian (Rujuk para 2.6 laporan ini).

5.3 Pulangan kepada Kerajaan

Pendapatan kepada kutipan bayaran saman AES

5.3.1 Berdasarkan perjanjian konsesi di klausa 5.1.2, Kerajaan berhak mendapat jumlah yang sama seperti yang dibayar kepada syarikat konsesi mengikut kiraan *Tier 2*. [REDACTED] pihak Kerajaan memperolehi hasil kutipan bayaran saman berdasarkan kepada kompaun nilai RM300 dari tahun 2012 – 2016 berjumlah seperti di **Jadual 11**:

TERBUKA

Jadual 11
Jumlah Hasil Kerajaan Kutipan Saman AES (RM300)

| Tahun | RM (Juta) |
|---------------|--------------|
| 2012 | 1.04 |
| 2013 | 8.35 |
| 2014 | 11.30 |
| 2015 | 10.55 |
| 2016 | 8.66 |
| 2017 | (23.25)* |
| 2018 | (13.72)* |
| Jumlah | 76.87 |

Sumber: Laporan MOT

(*) Jumlah kutipan saman pada 2017 (RM 23.25 juta) dan 2018 (13.72 juta) diserahkan kesemuanya kepada Syarikat Konsesi (██████████). (Sila rujuk kepada para 5.3.2 di bawah)

5.3.2 Pada 15 November 2016, walaupun Kerajaan menurunkan kadar bayaran saman AES dari RM300 ke RM150, tetapi tiada pindaan kepada perjanjian konsesi. Bayaran Fi Perkhidmatan *Tier 2* masih berdasarkan kepada nilai RM300 yang dinyatakan dalam perjanjian (merujuk Klausula 5.1.3 (b)). Sehubungan dengan itu, didapati bahawa Kerajaan telah membayar RM45,014,362 kepada dua-dua syarikat tersebut, manakala jumlah kutipan saman sebenar ialah RM36,983,850 (berdasarkan kompaun AES RM150). Dengan itu, **Kerajaan telah menampung kekurangan berkenaan sebanyak RM8,030,512 melalui peruntukan tahunan MOT.** Maklumat secara terperinci seperti di **Jadual 12:**



Jadual 12
Jumlah Kutipan Saman AES

| Tahun | Jumlah Saman Dikeluarkan | Jumlah Saman Telah Dibayar | Jumlah Kutipan Saman (RM150) (RM) | Jumlah Bayaran Kepada Syarikat (RM300) (RM) |
|-------------------|--------------------------|----------------------------|-----------------------------------|---------------------------------------------|
| 2017 | 596,056 | 155,028 | 23,254,200 | 28,022,648 |
| 2018 | 407,758 | 91,951 | 13,729,650 | 16,991,714 |
| Jumlah | | | 36,983,850 | 45,014,362 |
| Kekurangan | | | (8,030,512) | |

Nota: Kerajaan tidak mengutip hasil kerana semuanya diserahkan kepada syarikat.

- 5.3.3 Kerajaan melalui MOT juga telah membatalkan semua 3.1 juta saman AES membabitkan nilai RM435 juta yang belum dibayar sejak sistem dilaksanakan pada tahun 2012.
- 5.3.4 Tempoh konsesi antara ██████████ dan Kerajaan telah tamat dengan sendirinya (*natural death*) pada 31 Ogos 2018. Mengikut klausa 18, perjanjian konsesi di mana pihak kontraktor (████████ dan ██████) perlu menyerahkan kepada kerajaan segala peralatan, aset, sistem, *contractors payment channels*, latihan kepada pekerja dan seluruh aset yang berkaitan dengan projek AES tanpa sebarang kos kepada kerajaan (rujuk klausa 18.2.12-Perjanjian konsesi).
- 5.3.5 Adalah didapati bahawa beberapa perkhidmatan dan peralatan yang sepatutnya dipasang oleh pihak konsesi tidak dilaksanakan setakat 31 Ogos 2018. Perkhidmatan dan peralatan yang sepatutnya dipasang adalah seperti:
- 1,046 unit kamera statik
 - AES Court Systems (*Pilot Stage*), 10 unit
 - Local Systems in the Courts (Roll Out)* 128 unit
 - Vehicles for transporting mobile cameras, 248 unit (Roll Out)*

TERBUKA

- e. Depot (*Depots*) , 19 unit (*Roll Out*)
- f. Papan Tanda (*Signboards*) (*Roll Out*) untuk baki sebanyak 1,046 unit
- g. Pemasangan *Automated Vehicle Screening System* (AVSS), 4 unit

5.4 Keputusan yang diambil oleh Kerajaan memihak kepada syarikat konsesi

5.4.1 Setelah meneliti kronologi pelaksanaan AES secara menyeluruh didapati terdapat unsur-unsur campurtangan pihak anggota Pentadbiran Kerajaan khususnya penglibatan YAB Perdana Menteri dan beberapa Menteri Kabinet pada ketika itu. Penglibatan mereka dilihat lebih "memihak" kepada pihak syarikat konsesi. Berikut dikemukakan beberapa peristiwa kronologi yang dilihat signifikan untuk dimaklumkan:

- a. Berdasarkan taklimat daripada MOT, bahawa salah satu tujuan EC menangguhkan projek AES adalah untuk memelihara imej Kerajaan menjelang Pilihan Raya Umum 13 (PRU13) yang akan datang pada 05 Mei 2013. Sejak bermula pelaksanaannya Projek AES telah menerima maklum balas yang amat negatif daripada orang ramai. Penangguhan Projek AES oleh EC telah mengakibatkan kedua-dua syarikat membawa kes ini ke timbang tara.
- b. Dalam beberapa siri perbincangan yang telah diadakan di AGC, terdapat isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak syarikat yang menjurus kepada Kerajaan tidak menyempurnakan obligasinya di bawah Perjanjian AES. Oleh demikian, Kerajaan telah memutuskan untuk mengambil alih pelaksanaan Projek AES melalui sebuah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Pengambilalihan ini bertujuan agar pihak konsesi tidak meneruskan cadangan untuk membawa kes ke timbang tara. Bagi mempercepatkan proses penubuhan syarikat MKD berkenaan, [REDACTED] telah dilantik dan diarah menubuhkan

TERBUKA

sebuah syarikat subsidiari milik sepenuhnya dan menyerahkan syarikat berkenaan kepada MKD tanpa mengenakan apa-apa bayaran kepada kerajaan.

- c. Terdapat beberapa siri perbincangan telah dibuat untuk menyelesaikan isu ini. Satu perbincangan telah diadakan di MOF pada 03 September 2014 mengenai penyelesaian pengambilalihan AES. Perbincangan berkenaan telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dihadiri [REDACTED] [REDACTED] (Menteri di JPM), [REDACTED] [REDACTED] (YB Menteri Kewangan II) dan [REDACTED] [REDACTED] (Menteri Pengangkutan). Perbincangan ini tidak mempunyai minit mesyuarat dan memutuskan supaya LTAT mengkaji cadangan pengambilalihan AES. Berdasarkan Mesyuarat Panel Pelaburan LTAT, cadangan supaya LTAT mengambil alih [REDACTED] dan [REDACTED] adalah daripada YAB Perdana Menteri, yang berpandangan bahawa LTAT adalah sebuah "Government Linked Investment Company" (GLIC) dan lebih diterima oleh rakyat, berbanding sekiranya syarikat MKD mengambil alih [REDACTED] dan [REDACTED] yang boleh menyebabkan kerajaan dituduh cuba melaksanakan *bail-out*.
- d. Pada 5 Januari 2015, YB Menteri Pengangkutan telah mengemukakan surat kepada YAB Perdana Menteri berkenaan status semasa ke atas cadangan pengambilalihan pelaksanaan AES oleh Kerajaan melalui LTAT. Kandungan surat tersebut memaklumkan perkara-perkara berikut:
- i. Jumlah keseluruhan kos pengambilalihan yang meliputi harga tawaran bersih (*buy-out*), liabiliti dan komitmen bagi kedua-dua syarikat tersebut adalah sebanyak RM888.4 juta (RM495.5 juta bagi [REDACTED] dan RM392.9 juta bagi [REDACTED]).

TERBUKA

- ii. Pihak [REDACTED] dan [REDACTED] tidak bersetuju menurunkan pampasan dan telah mengambil tindakan untuk ditimbang tara (*Arbitration*).
- iii. Notis prosiding timbang tara [REDACTED] akan bermula pada 5 – 9 Januari 2015 dan [REDACTED] pada 26 – 28 Januari dan 11 – 13 Februari 2015.
- iv. Anggaran implikasi kewangan yang dituntut oleh kedua-dua syarikat melebihi RM1.6 billion.
- v. Memohon persetujuan dan kelulusan YAB Perdana Menteri pembayaran sebanyak 30% daripada tawaran harga bersih pengambilalihan yang berjumlah RM528 juta untuk menghentikan proses timbang tara.

5.4.2 Jawatankuasa siasatan mendapati terdapat perbezaan harga tawaran pengambilalihan syarikat konsesi di dalam dua Mesyuarat Jemaah Menteri. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 April 2014 memutuskan supaya harga tawaran pengambilalihan berjumlah RM528 juta ([REDACTED] – RM 255 juta, [REDACTED] – RM 273 juta) dan perlu dirundingkan semula. Bagaimanapun, keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Jan 2015 pula telah memutuskan harga tawaran pengambilalihan syarikat konsesi adalah sebanyak RM555 juta. Di samping itu, YB Menteri Pengangkutan mengemukakan surat kepada YAB Perdana Menteri bertarikh 5 Jan 2015 yang mencadangkan bayaran pengambilalihan syarikat konsesi tersebut adalah sebanyak RM528 juta. Di dalam tiga situasi di atas, telah menggambarkan bahawa terdapat perbezaan harga untuk pengambilalihan syarikat konsesi di mana akhirnya menjurus kepada bayaran pengambilalihan yang lebih tinggi iaitu RM555 juta.

TERBUKA

5.5 Hasil *Due Diligence* oleh ██████████ Diketepikan

5.5.1 Pada 11 September 2014, satu Kertas Memorandum dari Kementerian Kewangan No. M228/2014 telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri oleh ██████████ Menteri di JPM mengenai cadangan pengambilalihan pemilikan dan operasi AES. Cadangan Tetuan ██████████ telah dibentangkan, iaitu 4 *reference points* sebagai dasar rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Laporan *Due Diligence* ██████████

| <i>Method</i> | (RM'mil) | (RM'mil) | <i>Total</i> (RM'mil) | <i>Specific of Assumptions</i> |
|---------------------------------------------------------------------|----------|----------|--------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Fair Market Value:- Discounted cash flow (with extention)</i> | 113 | 138 | 251 | <i>Present value of future cash flow until 31 October 2018 (>1 year extension due to delay in full implementation)</i> <i>Project IRR capped at 17% p.a. as per concession contract</i> |
| <i>Fair Market Value:- Discounted cash flow (with no extention)</i> | 82 | 116 | 198 | <i>Present value of future cash flow until 31 August 2018, based on the existing contract period.</i> <i>Project IRR capped at 17% p.a. as per concession contract</i> |
| <i>Loss on profit basis</i> | 34 | 63 | 97 | <i>Compensation for the capital invested and the loss of profit up to point of take-over of the Concession , estimated to be completed by 31 Disember 2013.</i> <i>Loss of profit is calculated based on the total profit after tax generated but capped at 17% per annum return on the total capital invested in the respective period up to 31 December 2013</i> |
| <i>Expropriation basis (*)</i> | 20 | 60 | 80 | <i>Clause 38.4 of the Concession is invoked, wherein compensation is for capital invested and the value of unpaid summons</i> |

Sumber: Laporan *Due Diligence* ██████████ pada 2 Disember 2013

(*) Berdasarkan Klausula 38.4, *Expropriation*, adalah atas alasan "national interest, public interest, public policy, Government policy or national security". Bagi maksud *expropriation*, perjanjian konsesi memperuntukkan Kerajaan perlu membayar kepada syarikat konsesi "the Contract Service Fee which is due and payable prior to the Termination Date".

TERBUKA

5.5.2 Merujuk kepada **Jadual 13** di atas adalah didapati tidak ada pun cadangan bayaran pampasan yang disyorkan oleh [REDACTED] digunakan oleh Kerajaan dan LTAT sebagai asas untuk pengambilalihan [REDACTED] dan [REDACTED].

5.6 Pelaburan LTAT Sejumlah RM555 Juta Dalam Projek AES

5.6.1 LTAT telah membuat keputusan untuk melabur di dalam Projek AES setelah mendapati:

- a. Projek AES dijangka mampu menjana pulangan sebanyak 12% setahun
- b. Pulangan di dalam pelaburan dan pengambilalihan syarikat [REDACTED] dan [REDACTED] akan menyumbang kepada pendapatan LTAT dan digunakan untuk membayar dividen kepada anggota-anggota ATM oleh LTAT
- c. LTAT dan [REDACTED] memiliki kemampuan kewangan untuk membiayai kos projek sepanjang tempoh konsesi bagi memastikan projek AES dilaksanakan dengan lancar dan berkesan
- d. Pelaksanaan projek AES di bawah LTAT boleh membuka peluang pekerjaan kepada veteran Angkatan Tentera Malaysia dan anak-anak warga tentera

5.6.2 Berdasarkan semakan dokumen kertas kerja panel pelaburan LTAT 3/2014 pada 22 September 2014, LTAT mendapati pelaburan dalam Projek AES akan mandatkan pulangan pelaburan yang tinggi seperti berikut:

- a. Berdasarkan laporan *due diligence* [REDACTED] dan [REDACTED] menyatakan bahawa pulangan pelaburan adalah positif dan dianggarkan pulangan *Internal Rate of Return (IRR)* terhadap Projek AES adalah 23.13% untuk [REDACTED] dan 24.28% untuk [REDACTED].

TERBUKA

b. Berdasarkan pengiraan dan kajian yang dibentangkan kepada Panel Pelaburan LTAT, kos pengambilalihan sebanyak RM555 juta dengan kadar saman RM 150 dengan andaian sejumlah 5,000,000 maksimum saman yang sah dikeluarkan setiap tahun, pulangan pelaburan (*Return on Investment*) kepada LTAT setahun adalah sebanyak 56%.

5.6.3 Berdasarkan taklimat yang dibentang oleh LTAT kepada Jawatankuasa Siasatan pada 19 September 2018, pihak LTAT memaklumkan bahawa kos pengambilalihan kedua-dua syarikat konsesi dan pelaburan LTAT sebanyak RM555 juta adalah berasaskan *commercial basis* dan setelah mengambil kira prospek keuntungan dan risiko perniagaan.

5.6.4 LTAT juga menyatakan bahawa kos pengambilalihan kedua-dua syarikat konsesi perlu dipersetujui oleh penjual dan pembeli dan berasaskan potensi masa hadapan projek ini. Cadangan Kos pelaburan ini juga dipersetujui oleh MJM pada 14 Jan 2015 dengan harga bersih berjumlah RM555 juta (RM295 juta bagi [REDACTED] dan RM260 juta bagi [REDACTED]).

5.6.5 Semakan ke atas dokumen kertas kerja panel pelaburan LTAT 1/2015 pada 23 Februari 2015 menyatakan mesyuarat pada 14 November 2014, panel pelaburan bersetuju untuk memberi mandat kepada Ketua Eksekutif LTAT ([REDACTED] [REDACTED]) untuk berbincang, berunding dan memutuskan pengambilalihan 100% ekuiti daripada syarikat [REDACTED] dan [REDACTED]. Lanjutan daripada itu, seperti yang dinyatakan di para 2.16 iaitu pada 8 dan 13 Januari 2015, LTAT melalui surat kepada [REDACTED] dan [REDACTED] menyatakan minat untuk mengambil alih kedua-dua syarikat konsesi dengan harga RM555 juta (RM295 juta bagi [REDACTED] dan RM260 juta bagi [REDACTED]). Cadangan ini telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 14 Januari 2015 dan juga dipersetujui oleh [REDACTED] dan [REDACTED].

TERBUKA

5.6.6 Adalah didapati bahawa pelaburan LTAT dalam saham keutamaan (*Cummulative Redeemable Preference Share – CRPS*) sebanyak RM100,000,000 telah ditukarkan kepada saham biasa dan telah meningkatkan pegangan saham LTAT di dalam [REDACTED] daripada 50% kepada 50.38%.

5.7 Unjuran Kewangan Dan Hala Tuju LTAT Selepas Pengambilalihan AES

5.7.1 Berdasarkan laporan LTAT – *Memorandum* [REDACTED] dan [REDACTED], LTAT melabur dalam Projek AES kerana unjuran pendapatan Projek AES adalah positif seperti di **Jadual 14**:

Jadual 14
5 Tahun Unjuran Pendapatan Projek AES ([REDACTED] Dan [REDACTED])

| Year Details | 1 RM'000 | 2 RM'000 | 3 RM'000 | 4 RM'000 | 5 RM'000 |
|----------------------------------------------------------------|---------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| <u>Cash Inflow</u> Revenue | 726,278 | 1,018,375 | 1,184,248 | 1,178,600 | 1,178,891 |
| <u>Cash Outflow</u> Operation Cost and other Expenses | 238,243 | 400,875 | 426,016 | 466,262 | 486,399 |
| CAPEX | 454,031 | 45,751 | 39,963 | 25,109 | 35,746 |
| Financial Cost | 12,505 | 16,337 | 10,181 | 181 | - |
| Total Cash(Out)/ Inflow | 21,499 | 555,412 | 708,088 | 687,048 | 656,746 |

Sumber: Maklumat tambahan LTAT - *Memorandum* [REDACTED] – PP18/2014

5.7.2 Berdasarkan unjuran pendapatan di atas, LTAT telah bersetuju untuk mengambilalih kedua-dua syarikat dengan nilai RM555 juta dan telah dipersetujui oleh MJM pada 14 Januari 2015.

5.7.3 Sehubungan itu, LTAT juga mencadangkan *Financial model* yang baru kepada MOT seperti berikut:

a. Fi Tetap RM36.8 juta sebulan

TERBUKA

- b. Bayaran Fi RM16 setiap saman sehingga 15 juta saman setahun dan bayaran fi RM10 setiap saman selepas saman setahun
- c. Tempoh baru Konsesi Projek AwAS selama 13 tahun.

5.7.4 Pada 11 November 2016, Jemaah Menteri bersetuju dengan kadar bayaran fi tetap berjumlah RM36.8 juta sebulan hanya dibayar selepas 1,093 kamera siap dipasang sepenuhnya.

5.8 Pelaksanaan Projek AES Oleh Kerajaan Pada Masa Hadapan

5.8.1 Setelah MOT mengambilalih Projek AES dan aset yang diterima, Kerajaan perlu membuat perancangan untuk mendapatkan bajet Perbelanjaan Mengurus (*Operating Expenditures - OE*) untuk tahun 2019 dan seterusnya MOT juga perlu merancang halatuju AES pada masa yang akan datang.

5.8.2 Sekiranya Kerajaan mengguna pakai unjuran kewangan dan model perniagaan yang dikemukakan di LTAT, Projek AES tersebut dijangka akan mendatangkan hasil kepada Kerajaan. Disamping itu, kempen keselamatan jalan raya perlu juga dilaksanakan oleh JPJ untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna. Namun begitu, peruntukan yang mencukupi perlu disalurkan oleh pihak Kerajaan kepada MOT untuk tujuan berkenaan.

6. SYOR

6.1 Pada masa ini, sistem operasi AES telah diambilalih sepenuhnya oleh MOT apabila tempoh konsesi telah tamat (*natural death*) pada 31 Ogos 2018. Berdasarkan kepada rumusan penemuan di atas dan bagi memutuskan keputusannya memelihara kepentingan Kerajaan, Jawatankuasa Siasatan mengesyorkan seperti berikut:

6.1.1 MOT hendaklah mendapatkan semua aset-aset AES daripada syarikat konsesi dan merekodnya sebagai aset kerajaan.

TERBUKA

- 6.1.2 MOT hendaklah memastikan pihak syarikat konsesi memenuhi obligasi yang terkandung di dalam perjanjian sebelum menyerahkan semua aset dan sistem kepada Kerajaan.
- 6.1.3 MOT perlu memutuskan sama ada MOT ingin meneruskan Projek AES pada masa yang akan datang atau sebaliknya. Sekiranya MOT ingin meneruskan Projek AES, MOT perlu membuat perancangan untuk mendapatkan bajet Perbelanjaan Mengurus (*Operating Expenditures - OE*) untuk tahun 2019 dan seterusnya. MOT perlu juga melaksanakan perancangan halatuju AES pada masa yang akan datang. MOT juga perlu melaksanakan kempen keselamatan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna dengan menggunakan hasil kutipan saman.
- 6.1.4 Memandangkan sebarang pembayaran kepada LTAT akan memberi implikasi kewangan kepada kerajaan, maka Jawatankuasa Siasatan mengemukakan beberapa cadangan untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan iaitu:

a. Opsyen (1)

Tempoh konsesi antara [REDACTED] dan kerajaan telah tamat dengan sendirinya (*natural death*) pada 31 Ogos 2018. Mengikut klausa 18, perjanjian konsesi di mana pihak kontraktor ([REDACTED] dan [REDACTED]) perlu menyerahkan kepada kerajaan segala aset projek AES, tanpa sebarang kos kepada Kerajaan (rujuk klausa 18.2.12-Perjanjian konsesi) atau;

b. Opsyen (2)

Berdasarkan laporan *due diligence* [REDACTED] ke atas 14 unit Kamera dan aset-aset semasa menyatakan bahawa nilai *fair market value* [REDACTED] dan [REDACTED] yang tertinggi adalah berjumlah RM251 juta. Sekiranya pihak kerajaan memutuskan untuk memberi pampasan kepada LTAT, maka proses *due diligence* perlu dilaksanakan bagi menentukan *fair market value* ke atas kedua-dua syarikat [REDACTED]

TERBUKA

dan [REDACTED] dengan mengambilkira tambahan pemasangan kamera sebanyak 47 unit.

c. Opsyen (3)

Walau apapun keadaan dan setelah menentukan *fair market value* kedua-dua syarikat berkenaan, jumlah pampasan kepada LTAT tidak seharusnya melebihi RM555 juta. Ianya mengambilkira pengambilalihan pemilikan ekuiti [REDACTED] dan [REDACTED] oleh LTAT melalui [REDACTED] merupakan satu bentuk pelaburan. Sebaliknya perjanjian konsesi masih kekal antara [REDACTED] dan Kerajaan Malaysia. Pihak LTAT menyedari bahawa pelaburan tersebut mempunyai prospek keuntungan dan risiko sepertimana makluman yang terkandung di dalam kertas kepada Panel Pelaburan dan Lembaga Pengarah LTAT pada 24 September 2014, 23 Oktober 2014, 14 November 2014, 28 November 2014 dan 23 Februari 2015. Oleh yang demikian, jumlah tidak melebihi RM555 juta seharusnya menjadi pilihan terakhir pihak Kerajaan.

- 6.1.5 Jumlah bayaran sebanyak RM555 juta bagi pengambilan AES (melalui syarikat [REDACTED] dan [REDACTED]) oleh LTAT amat meragukan. Asas pengiraan bagi jumlah bayaran sebanyak RM555 juta adalah tidak selari dengan mana-mana satu dari 4 *reference points*, dan hasil *due diligence* yang telah dilaksanakan oleh [REDACTED]. Berdasarkan perkara 5.5.1 (laporan ini), daripada 4 *reference points* yang dicadangkan oleh [REDACTED] nilai *fair market value* yang tertinggi adalah RM251 juta berbanding amaun yang dibayar oleh LTAT adalah sebanyak RM555 juta. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Siasatan mengesyorkan agar siasatan susulan perlu dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah Akta 694 SPRM 2009 dan Akta 613 Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA) ke atas kos pengambilalihan yang dianggap sebagai *over market value*. Siasatan tersebut adalah bagi mengenalpasti individu-individu yang terlibat atau menerima kick-

TERBUKA

back dari urusanniaga berkenaan.

7. PENUTUP

Secara keseluruhannya pelaksanaan Projek AES yang bertujuan untuk penguatkuasaan undang-undang secara automatik dalam menangani isu keselamatan / kemalangan jalan raya telah menimbulkan pelbagai isu sejak mula dilaksanakan pada tahun 2012. Undang-undang Kerajaan untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit dalam pelaksanaan sistem ini didapati telah meletakkan Kerajaan dalam risiko kerugian. Ini jelas menunjukkan kelemahan anggota perkhidmatan awam dalam memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara. Kelemahan ini diburukkan lagi dengan campur tangan Anggota Pentadbiran yang membuat keputusan yang lebih menjurus kepada kepentingan politik. Dalam menyelesaikan isu pampasan semasa, sekiranya Kerajaan bercadang membayar pampasan kepada LTAT, maka proses *due diligence* perlu dilaksanakan dahulu bagi menentukan *fair market value*. Walau bagaimanapun, jumlah pampasan kepada LTAT tidak seharusnya melebihi RM555 juta dan Kerajaan juga perlu merujuk kepada laporan *due diligence* yang disediakan oleh syarikat yang dilantik sebelum ini. Cadangan ini mengambilkira pengambilalihan pemilikan ekuiti [REDACTED] dan [REDACTED] oleh LTAT melalui [REDACTED] merupakan satu bentuk pelaburan dan seharusnya prospek keuntungan dan risiko telah pun diambilkira.


TEDEDIKA
TEDEDIKA

Kronologi Pelaksanaan Projek AES

| Tarikh | Perkara |
|------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 17 Ogos 2005 | Perancangan bagi AES bermula dengan keputusan Jemaah Menteri yang telah bersetuju supaya YB Menteri Pengangkutan (MOT), Timbalan Menteri MO, Ketua Setiausaha MOT, Pegawai-pegawai kanan MOT, Pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia melakukan lawatan kerja ke Korea Selatan, Australia, Amerika Syarikat, Jerman, Sweden, Perancis, United Kingdom dan Switzerland bagi meninjau dan mempelajari Sistem AES. |
| 5 Disember 2005 | Jemaah Menteri dimaklumkan bahawa adalah AES diguna pakai di Malaysia sebagai salah satu aktiviti di bawah program penguatkuasaan dalam mengurangkan kemalangan jalan raya. MOT telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan AES, dipengerusi oleh KSU MOT. Bagi membantu Jawatankuasa Pemandu, 5 Jawatankuasa Kerja ditubuhkan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1) Jawatankuasa Kerja Teknikal 2) Jawatankuasa Penilaian Teknikal 3) Jawatankuasa Kerja Kewangan 4) Jawatankuasa Kerja Kewangan 5) Jawatankuasa Penilaian Kewangan |
| 16 Ogos 2006 | Jemaah Menteri bersetuju supaya pemilihan syarikat untuk melaksanakan Projek AES dipelawa kepada 9 buah Syarikat (dalam dan luar negara) bagi menyertai Tender JPJ(S).6/2006 |
| 13 November 2006 | Tawaran kepada 9 syarikat melalui tender JPJ(S) T.6/2006: <i>Request For Proposal For The Implementation of Automated Enforcement System (AES)</i> . Tarikh tender ditutup pada 5 Disember 2006. |

1

SULIT



Kronologi Pelaksanaan Projek AES

| Tarikh | Perkara |
|----------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 18 Jun 2007 hingga 22 Julai 2007 | 7 buah Syarikat telah mengemukakan dan melepasi peringkat penilaian dokumen cadangan teknikal dan menyertai ujian "live demonstration". |
| 08 Ogos 2007 | Jawatankuasa Pemandu Projek AES telah memperakukan 2 buah Syarikat [REDACTED] Sdn Bhd dan [REDACTED] Sdn Bhd (sekarang dikenali sebagai [REDACTED] Sdn Bhd) dan dipelawa untuk mengemukakan cadangan kewangan masing-masing. Cadangan tersebut dikemukakan oleh Jawatankuasa Teknikal AES. Ahli Jawatankuasa ini adalah JPJ, KDN, MOT, KKR, MAMPU, MIROS, PDRM, LLM dan SIRIM. Sementara itu, Jawatankuasa Pemandu AES dipengerusikan oleh MOT dan ahli-ahlinya adalah KDN, KPKT, JKR, PDRM, UPE, Unit Permodalan Malaysia, JPJ, JPN Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan, LLM dan MIROS. |
| 11 Februari 2008 | Perdana Menteri bersetuju dengan cadangan YB Menteri MOT supaya 2 buah Syarikat yang telah dipilih oleh Jawatankuasa Pemandu AES untuk melaksanakan AES di Zon Utara dan Zon Selatan. |
| 15 April 2008 | Kedua-dua Syarikat [REDACTED] mengemukakan cadangan kewangan masing-masing. |

2

SULI

Kronologi Pelaksanaan Projek AES

| Tarikh | Perkara |
|------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 05 Disember 2008 | Jemaah Menteri telah bersetuju AES dilaksanakan dibawah kaedah 'outsourcing' kepada 2 Syarikat yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa AES dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemandu AES iaitu ██████████ Sdn Bhd dan ██████████ Sdn Bhd secara rundingan terus. Tempoh perjanjian perkhidmatan AES dibawah kaedah 'outsourcing' adalah bagi tempoh 5 tahun. Kerajaan berhak untuk mengambil alih pelaksanaan sistem AES atau melanjutkan tempoh perjanjian selama 5 tahun tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian. Formula perkongsian hasil pendapatan adalah berdasarkan kepada jumlah kutipan bayaran saman dan bukan nilai saman yang dikeluarkan. |
| 05 Februari 2009 | MOT telah mengeluarkan <i>Letter of Intent (LOI)</i> kepada kedua-dua syarikat. |
| 23 Disember 2009 | Jemaah Menteri bersetuju kedua-dua Syarikat membuat perolehan untuk membangunkan sistem, operasi dan penyenggaraan sistem. Bayaran kedua-dua Syarikat dibuat berdasarkan formula perkongsian hasil berasaskan kutipan saman. |
| 1 Februari 2011 | Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan 2010) telah diluluskan dan diwartakan. |
| 14 Mac 2011 | Surat setuju terima <i>Letter of Award (LOA)</i> ditandatangani oleh Syarikat ██████████ Sdn Bhd dan Syarikat ██████████ |

SULIT

3

TERBUKA

SULIT

LAMPIRAN 1

Kronologi Pelaksanaan Projek AES

| Tarikh | Perkara |
|-------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 09 Disember 2011 | Perjanjian telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Pengangkutan dengan ██████████ Sdn Bhd dan ██████████ Sdn Bhd. Tempoh perjanjian adalah untuk 66 bulan (5 tahun 6 bulan). |
| 09 Mac 2012 | Perjanjian mula berkuatkuasa |
| 23 September 2012 | Penguatkuasaan AES telah mula dilaksanakan dengan 14 kamera (10 kamera static dan 4 kamera mudah alih) di Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor dan Perak. |
| 17 Disember 2012 | Penangguhan Pendakwaan Kes saman AES telah ditangguh atas keputusan Jabatan Peguam Negara. |
| 04 Februari 2013 | Majlis Ekonomi (EC) telah memutuskan supaya pelaksanaan AES bagi 'National Roll-Out' ditangguh. |
| 19 Ogos 2013 | Mesyuarat EC pada 19 Ogos 2013 telah memutuskan supaya pelaksanaan AES diambil alih oleh syarikat MKD. |
| 27 Ogos 2013 | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kewangan dipengerusikan oleh KSP memutuskan: <ol style="list-style-type: none"> 1) Penubuhan Syarikat MKD yang akan beroperasi sebagai "full fledge company"; dan 2) Proses due diligence akan dilaksanakan untuk mengambil alih pemilikan saham ██████████ dan ██████████ termasuk segala aset dan liabiliti sedia ada |


SULIT

Kronologi Pelaksanaan Projek AES

| Tarikh | Perkara |
|------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 30 Ogos 2013 | Memo kelulusan YBMK II antara lainnya telah bersetuju: 1) ██████ Sdn Bhd (██████), syarikat milik penuh MKD dilantik untuk menyelaraskan tindakan bagi penubuhan syarikat MKD dan proses due diligence bagi tujuan pengambilan alih keseluruhan pemilikan dan operasi AES daripada ██████; dan 2) ██████ menubuhkan subsidiari milik penuhnya, ██████ dan menyerahkan pemilikan syarikat tersebut kepada MKD tanpa mengenakan sebarang bentuk bayaran kepada Kerajaan. |
| 2 September 2013 | MOF telah menubuhkan ██████ Sdn Bhd dengan Modal Berbayar RM10 juta |
| September 2013 | Memo kelulusan YBMKII antara lainnya telah bersetuju: 1) Pelantikan ██████ sebagai firma perundangan dan pelantikan ██████ sebagai firma audit untuk melaksanakan proses due diligence bagi tujuan pengambilan alih pemilikan dan operasi AES 2) Penyaluran bantuan kewangan kepada ██████ Sdn Bhd (██████) dan ██████ Sdn Bhd (██████), syarikat pengendali (service provider) AES sedia ada sebanyak RM88.3 juta (██████, RM41 juta dan ██████, RM47.3 juta) bagi menyokong operasi kedua-dua syarikat berkenaan dalam tempoh interim operasi AES sehingga selesai proses pengambilan alih pada Disember 2013 |
| 11 April 2014 | Jemaah Menteri meminta supaya harga tawaran pengambilalihan berjumlah RM 528 juta (RM273 juta kepada ██████ dan RM255 juta kepada ██████) dirunding semula. |
| 3 September 2014 | Perbincangan mengenai penyelesaian AES telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Perbincangan berkenaan telah memutuskan supaya LTAT mengkaji cadangan pengambilalihan AES |

5

SULIT



Kronologi Pelaksanaan Projek AES

| Tarikh | Perkara |
|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 14 Januari 2015 | Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan MOT supaya LTAT mengambil alih pelaksanaan AES. LTAT bersetuju supaya harga bersih ditawarkan berjumlah RM 555 juta (RM295 juta (██████) dan RM260 juta (██████)). |
| 17 Mac 2016 | Mesyuarat di MOF membincangkan cadangan kadar fi perkhidmatan oleh LTAT. LTAT telah mencadangkan fi tetap RM40 juta sebulan dan RM16 bagi setiap saman sah sehingga 15 juta saman serta RM10 bagi setiap saman selepas 15 juta saman yang dikeluarkan untuk tempoh konsesi selama 5 + 5 tahun. |
| 21 Mac 2016 | LTAT bersetuju dengan tawaran MOF seperti berikut: 1) Tempoh konsesi : 13 tahun 2) Fi tetap : RM36.8 juta sebulan 3) Bayaran fi setiap saman sehingga 15 juta saman setahun adalah pada kadar RM16 setiap saman 4) Bayaran fi setiap saman selepas 15 juta saman setahun adalah sebanyak RM10 setiap saman |
| 3 Mei 2016 | YBMKII bersetuju dengan cadangan bayaran fi kepada LTAT tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri |
| 4 Mei 2016 | Surat MOF kepada MOT memaklumkan persetujuan bayaran fi kepada LTAT tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri |
| 19 Julai 2016 | Mesyuarat dipengerusikan oleh YBMKII memutuskan supaya fi tetap bulanan dibayar mengikut bilangan kamera yang siap dipasang. Manakala fi boleh ubah dibayar berdasarkan kepada jumlah kutipan saman sebenar oleh JPJ. |

6

SULIT

Kronologi Pelaksanaan Projek AES

| Tarikh | Perkara |
|-------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 22 Ogos 2016 | Mesyuarat susulan dipengerusikan oleh YBMKII memutuskan supaya isu berkaitan AES dijawab oleh MOT sebagai agensi bertanggungjawab. Selain itu, mesyuarat bersetuju supaya tempoh kontrak ditetapkan selama 13 tahun dan bayaran fi tetap RM36.8 juta berdasarkan jumlah kamera dipasang sahaja. |
| 11 November 2016 | Jemaah Menteri antara lainnya bersetuju dengan cadangan penjenamaan AES kepada Automated Awareness System (AwAS). Jemaah Menteri juga bersetuju dengan kadar bayaran fi tetap berjumlah RM36.8 juta sebulan hanya dibayar selepas 1,093 kamera siap dipasang sepenuhnya |
| 12 September 2017 | Mesyuarat dipengerusikan oleh YBMKII bagi membincangkan isu tertunggak draf perjanjian konsesi AwAS. Mesyuarat bersetuju supaya MOT membentangkan cadangan penyelesaian isu penguatkuasaan bagi saman tertunggak kepada EC |
| 6 Disember. 2017 | Mesyuarat dipengerusikan oleh YBMKII antara lainnya memutuskan Kerajaan mengambil alih AwAS daripada LTAT. MOF merunding dengan LTAT mengenai jumlah bayaran pampasan bagi tujuan penamatan konsesi. |
| 13 Disember. 2017 | MOF telah mengadakan rundingan dengan LTAT dimana amaun pampasan yang dicadangkan berjumlah RM894.29 juta tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri |
| 5 Jun 2018 | Mesyuarat di MOT mengenai hala tuju AES. LTAT memaklumkan bayaran pampasan sehingga 31 Mei 2018 berjumlah RM977.9 juta |

TERBUKA

Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan & Kewangan Kerajaan

1. Mesyuarat JKS pada 24 Julai 2018 telah mendengar taklimat berkaitan dengan AES daripada
 - a) MOF
 - b) MOT
 - c) LTAT

2. **MOF** – Antara maklumat penting yang diutarakan seperti berikut:
 - a) Projek dibawah pelaksanaan MOT. Perjanjian konsesi antara MOT dan Syarikat ██████ Sdn Bhd dan ██████ Sdn Bhd pada 9 Disember 2011 untuk tempoh 66 bulan. Syarikat perlu memasang 1093 kamera sepanjang tempoh konsesi.

 - b) Penguatkuasaan AES dilaksanakan 23 September 2012 dengan 14 kawasan (10 statik dan 4 mudah alih)

 - c) Mesyuarat Majlis Ekonomi (EC) pada 4 Februari 2013 telah memutuskan supaya pelaksanaan AES ditangguhkan.

 - d) Pada September 2013 memo kelulusan YBMKII antara lain bersetuju penyaluran bantuan kewangan kepada ██████ dan ██████, syarikat pengendali AES sedia ada sebanyak RM88.3 juta (█████ – RM41 juta, ██████ – 47.3 juta) bagi menyokong operasi kedua-dua syarikat berkenaan dalam tempoh interim operasi AES sehingga selesai proses pengambilan alih pada Disember 2013

 - e) Pada 3 September 2014 perbincangan mengenai penyelesaian AES telah di perengusikan oleh PM dan telah memutuskan supaya LTAT mengkaji cadangan pengambilalih AES dan pada 14 Januari 2015 MJM telah bersetuju cadangan MOT supaya LTAT ambil alih AES. LTAT bersetuju supaya harga bersih ditawarkan berjumlah RM555 juta (█████ – RM295 juta dan ██████ - RM260 juta)

TERBUKA

3. **MOT** – Antara maklumat penting yang diutarakan ialah:

a) Possible Way Forward

- (i) Let Concession Agreement Ends Naturally
- (ii) Extend Concession Agreement
- (iii) Disband the project / Government take over

b) Way Forward. Let Concession Ends Naturally (August 2018)

- (i) Government negotiation financial/legal implication with LTAT
- (ii) JPJ take over operation
- (iii) Requires budget to operate

c) Summons / Payments 2012-Mei 2018


- (i) Jumlah Saman Dikeluarkan : 3,763,417
- (ii) Jumlah Saman Telah Dibayar : 659,934
- (iii) Jumlah Saman Tertunggak : 3,103,483
- (iv) Bayaran Tier 1 (RM16) : RM 60,214,672
- (v) Bayaran Tier 2 (RM50) : RM 68,882,764
- (vi) Jumlah Tier 1 & 2 : RM 129,097,436
- (vii) Jumlah Tunggakan Saman : RM 435,415,114

4. **LTAT** – Antara maklumat penting yang diutarakan ialah:

a) LTAT berhasrat untuk meneruskan projek AES/AwAS seperti berikut:

- (i) Tempoh Konsesi : 13 tahun
- (ii) Fi Tetap : RM 36.8 juta sebulan
- (iii) Fi Boleh Ubah : Bayaran Fi RM16 setiap saman sehingga 15 juta saman setahun dan bayaran Fi RM10 setiap saman selepas 15 juta saman setahun.

b) LTAT turut menyatakan tidak akan menuntut apa-apa pampasan daripada kerajaan sebanyak kira-kira RM 1 juta.





- c) Sekiranya projek AES/AwAS tidak diteruskan, impikasi kewangan kepada LTAT adalah seperti berikut:
- (i) Rosot-nilai ke atas kos pengambilalihan projek AES/AwAS sebanyak RM555.0 juta akan memberi impak negative yang besar kepada keuntungan LTAT dan seterusnya pembayaran dividen kepada pencarum LTAT yang terdiri daripada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia
 - (ii) Kehilangan pulangan sebanyak RM240.3 juta ke atas kos pengambilalihan (RM555.0 juta) pada kadar 12% setahun bermula Mei 2015 sehingga Jun 2018 (3 tahun 2 bulan) yang juga akan memberi impak kepada pembayaran dividen
 - (iii) Disebabkan pendapatan dari projek AES/AwAS sejak pengambilalihan tidak mencukupi untuk menampung kos operasi, pinjaman telah diberikan oleh pemegang saham sehingga Jun 2018 sebanyak RM158.9 juta. Jumlah ini akan lupus sekiranya projek tidak diteruskan
 - (iv) Baki hutang pinjaman Bank ██████████ Berhad sebanyak RM20.0 juta yang perlu dibayar balik sebelum akhir 2018
 - (v) Redundansi asset-aset tetap pelaksanaan projek AES/AwAS disebabkan asset-aset tetap ini tidak dapat digunakan untuk mengendalikan sebarang projek lain
 - (vi) Pampasan sebanyak RM2.5 juta ke atas penamatan khidmat 75 kakitangan disebabkan oleh pemberhentian projek ini

TERBUKA

Penglibatan ██████████ Dalam Projek AES

Notes

1. Government awards the contracts to the concessionaires
2. Government appoints ██████████ as Paying Agent
3. Concessionaires design, supply and operate the AES
4. JPJ will be the end user of the AES to monitor and implement the AES
5. Once traffic offenders are issued with summonses, it will be paid to JPJ
6. Summonses paid to JPJ are channeled directly to the Federal Consolidated Fund
7. From annual budget allocation, Government will pay to ██████████ as paying agent
8. ██████████ will then pay the Concessionaires the fees pursuant to the Contracts



SULIT

SULIT

LAMPIRAN 3

Salient Terms of the Concession Agreements

Under Clause 5.8.3 of the CA, it is stated that the Internal Rate of Return (IRR) of the project shall not exceed 17% for the whole duration of the project period of 66 months.

Official Go Live Date : 23 September 2012

- i. As determined by the issuance of the first summons; and
- ii. However, the rollout phase was delayed, with no further indication of the timeframe by the GoM on when to proceed.

The Concession Agreement ("CA") with the Concessionaires can be terminated:

- i. By way of **Default by the Concessionaire**, e.g. not fulfilling its responsibilities as spelled out in the CA and no remedial actions are taken by the Concessionaires;
- ii. By way of **Default by GoM**, e.g. failure to make payments for contract service fees and no remedial actions are taken by GoM within 30 days;
- iii. By way of **Expropriation** in the name of national and public interest, public policies, government policies or national security reasons;
- iv. In the event of **Corruption, Unlawful and Illegal activities**; and
- v. In the event of a **Force Majeure Event**.

(Note: The concessionaire's right to terminate is only pursuant to GoM's failure to fulfill its obligations under the CA)

As the Concessionaires had not breached their CA obligations, the options available to the GoM to takeover concession are as follows:

- i. By way of **Share Acquisition** but the GoM would need to consent to the change in shareholders and the shareholding structure under Clause 29.4 of the CA pursuant to the share acquisition transaction;
- ii. By way of **Asset/Business Acquisition** but the GoM would need to consent to the assignment and transfer of the rights under the CA by the existing Concessionaires to the purchaser pursuant to Clause 48 of the CA; and
- iii. By way of **Expropriation**, wherein the GoM can takeover the AES project from the Concessionaires by expropriating the project assets, provided that such expropriation can be justified in the name of national interest, public interest, public policy, or national security.

Potential Litigations of [REDACTED]

Potential Litigations highlighted in the DD reports are as follows:

- i. [REDACTED]
 - a) Potential litigation from manpower service provider [REDACTED] arising from approximately RM2.0 mil in disputed charges to [REDACTED]
 - b) Potential demand for the outstanding sum as at 1 Oct 2013 amounting to approximately A\$6.9 mil for the services rendered in relation to the supply and service agreement with [REDACTED] dated 3 Mar 2011.
- ii. [REDACTED]

Arbitration proceedings with the GoM due to delay in the full implementation of AES project as per the CA.

TERBUKA